

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HKB 112 – Karya-Karya Besar Dari Kesusasteraan Asia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Sekurang-kurangnya **SATU** soalan mesti dijawab dari setiap Bahagian A, B dan C.

Bahagian A

1. Mengikut Barbara Stoller Miller keistimewaan kesusasteraan Asia ialah sifatnya sebagai "sastera dunia", dan pada masa yang sama, sebagai "artifik budaya" bagi negara yang menghasilkan sesuatu karya. Buktikan pendapat ini dengan contoh-contoh yang tepat daripada karya-karya besar Asia yang anda baca.
2. "Karya-karya besar tidak mengenal sempadan." Bincangkan pernyataan ini dengan mengemukakan bukti-bukti yang kukuh untuk menyokong hujahan anda.

Bahagian B

3. Bandingkan aspek pengolahan watak wanita dalam dua karya Asia Tenggara yang terkemuka untuk membuktikan bahawa pengarang wilayah ini mampu menghasilkan karya yang bermutu tinggi.
4. Huraikan bagaimana Manuel Arguilla menunjukkan wujudnya perbezaan di antara cara hidup kota dan desa dalam cerpen terkenalnya, "How My Brother Leon Brought Home a Wife."
5. Cerpen "The Enchanting Cooking Spoon" mendedahkan pelbagai jenis ketegangan dalam masyarakat Thailand moden. Buktikan pernyataan ini.

Bahagian C

6. Novel *Raise The Red Lantern* telah diharamkan oleh kerajaan Komunis negara China, dan sebaliknya mendapat sambutan hangat di kalangan pembaca Barat. Huraikan mengapa hal ini berlaku dengan merujuk kepada elemen sosio-politik dalam karya tersebut.
7. *Kanadehon Chushingura* adalah drama *kabuki* Jepun yang masyhur dari abad ke-17 sehingga kini. Bincangkan keistimewaan-keistimewaannya yang membolehkan drama ini bertahan sepanjang zaman.
8. *Gitanjali*, karya India oleh Rabindranath Tagore digelar sebagai sebuah karya *shastra* sebenar. Buktikan kesahihan pernyataan ini (petikan puisi-puisi dalam Lampiran A boleh dirujuk untuk menyokong jawapan anda).

LAMPIRAN A

kurniamu maha besar
datang padaku
betapa hanya melalui
tangan kecilku ini
abad datang
dan abad lalu
tetapi engkau
senantiasa memberi
dan ruang itu
senantiasa pula ada
untuk di isi

kembangan telah disusun rapi
karangan bunga telah sedia
untuk mempelai
setelah upacara nikah
pengantin akan meninggalkan
rumahnya
lalu pergi menemui padukanya
sendirian:
dalam kesunyian malam

apakah yang kau berikan
kepada malaikat maut
pada hari ia datang mengetuk
pintumu?
o akan ku sajikan piala hidupku
yang penuh ini pada tamuku -
sudah tentu tidak akan
kubenarkan ia
pulang dengan tangan hampa

dalam diam engkau berjalan
di redup suram
di musim hujan bulan Julai
bagai malam dengan langkah
perlahan
sambil menjauhi
orang yang mengintai

berhentilah dari berdendang
bernyanyi dan menghitung
- menghitung lokan ini!
siapakah yang kaupuja
di sudut rumah suci
yang sunyi gelap ini
sedang pintu semua tertutup?
bukalah matamu dan lihatlah
tuhanmu tidak ada dihadapanmu!

apabila kereta-emasmu
nampak muncul dari jauh
bagai mimpi yang indah
dan aku bertanya
pada diriku sendiri
siapakah raja
dari segala raja-raja itu